

JAS tak sokong korek pasir sungai

Nusajaya: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor tidak akan menyokong sebarang aktiviti pengorekan pasir di Sungai Johor yang boleh menjejaskan sumber bekalan air bersih.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat, berkata bagi kes di Sungai Johor ia adalah bidang kuasa Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi serta Pejabat Tanah Galian (PTG) Johor kerana aktiviti berkenaan di bawah keluasan 50 hektar.

Katanya, sebarang kes pengorekan pasir yang keluasannya kurang daripada 50 hektar tidak ter-

takluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling iaitu Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA).

Punca pencemaran

"Jabatan ada menerima permohonan ulasan daripada Pentadbir Tanah dan PTG bagi ulasan teknikal pengorekan pasir di bawah keluasan 50 hektar dan ulasan teknikal JAS adalah tidak menyokong.

"Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan negeri dalam memantau dan memastikan tahap kualiti air di Sungai Johor yang menjadi sumber berterusan

bekalan air di negeri ini berada dalam keadaan baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung persidangan di Dewan Undangan Negeri Johor Ke-13 di sini, semalam.

Ayub berkata, bagi memastikan pencemaran Sungai Johor terkawal, JAS mengambil inisiatif mengadakan Program Tinjauan Sumber Pencemaran bagi mengenal pasti semua punca tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Jabatan juga akan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas punca yang melepaskan air buangan ke dalam Sungai Johor selain pengawasan kualiti sungai di semua 34 stesen pengawasan sepanjang sungai berkenaan," katanya.

Semalam, *BH* melaporkan lesen dan permit lebih 10 pengusaha lombong pasir sepanjang Sungai Johor tidak akan diperbaharui kerana didapati meneroka dan mengancam kawasan tadahan air yang diwartakan.